






# PELAN STRATEGIK

KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI  
(KPPK)

## 2021-2025








# **PELAN STRATEGIK**

## **KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI (KPPK)**

**2021-2025**

---

ISBN 978-967-19545-8-4



9 7 8 9 6 7 1 9 5 4 5 8 4  
Pelan Strategik Kementerian  
Perusahaan Perladangan dan  
Komoditi (KPPK) 2021-2025

Hakcipta Terpelihara © Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi,  
2022

© Hakcipta Terpelihara. Tiada bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan  
semula, disimpan dalam sistem perolehan semula atau dihantar dalam sebarang  
bentuk atau dengan sebarang cara; elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman  
atau sebaliknya tanpa kebenaran bertulis terlebih dahulu daripada Kementerian  
Perusahaan Perladangan dan Komoditi.

**PELAN STRATEGIK KEMENTERIAN PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN  
KOMODITI (KPPK)  
2021-2025**

ISBN 9789671954584

**Diterbitkan Oleh:**

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK)  
No. 15, Aras 5-13,  
Persiaran Perdana, Presint 2,  
62654 Putrajaya, Malaysia.

---

# PERUTUSAN

## YB MENTERI

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam hormat dan Salam Sejahtera.

Terlebih dahulu, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada warga Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) yang telah bertungkus-lumus menyediakan Pelan Strategik KPPK 2021-2025 (PS2025).

Umum mengetahui Sektor Agrikomoditi merupakan nadi kehidupan rakyat sebelum Merdeka lagi. Malah, nadi inilah yang membentuk jati diri rakyat Malaysia dalam usaha menambah baik kehidupan dan menikmati kesejahteraan bersama. Pembentukan nadi dan jati diri ini tidak diperoleh dengan mudah kerana Sektor Agrikomoditi menuntut keupayaan fizikal dan mental yang sangat tinggi.

Bertitik tolak dari nadi dan jati diri ini, KPPK pada 9 Mac 2022 telah melancarkan Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030). Penggubalan dasar ini telah menggariskan hala tuju strategik secara menyeluruh dalam usaha memacu Sektor Agrikomoditi ke arah kelestarian dan kemakmuran bersama. PS2025 merupakan dokumen penting yang akan memandu warga KPPK dan Agensi untuk menjayakan DAKN2030.

Saya yakin PS2025 akan menjadi *game changer* KPPK dengan perancangan kerja yang lebih berfokus, terancang dan sistematik dalam mendepani cabaran Sektor Agrikomoditi. PS2025 juga secara tidak langsung menjurus kepada penambahbaikan penyampaian perkhidmatan KPPK dan Agensi bagi memenuhi aspirasi perkhidmatan KPPK dan Agensi secara holistik.

Besar harapan saya agar PS2025 dapat mendukung usaha-usaha memartabatkan dan menjayakan DAKN2030. Sekali lagi, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada semua dan jayakanlah perancangan ini dengan penuh ikhlas, integriti dan akauntabiliti demi kelestarian dan kemakmuran Agrikomoditi Negara.



**“PS2025 akan menjadi *game changer* KPPK dan akan memartabatkan DAKN2030 dalam mendepani cabaran Sektor Agrikomoditi ”**

**YB DATUK HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDIN  
MENTERI PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI**

# PERUTUSAN

## KETUA SETIAUSAHA

Salam hormat dan Salam Sejahtera.

Pelan Strategik KPPK 2021-2025 (PS2025) adalah sebuah manifestasi komitmen Kementerian Perusahaan Perlادangan dan Komoditi (KPPK) untuk memastikan hala tuju dasar, perancangan dan pelan tindakan di bawah Dasar Agrikomoditi Negara 2021 – 2030 (DAKN2030) adalah sejajar dengan keperluan semasa industri komoditi negara. PS2025 ini telah dirangka secara holistik dan komprehensif dalam mendepani isu dan cabaran semasa Sektor Agrikomoditi.

PS2025 bermatlamat meningkatkan keberkesanan penyampaian perkhidmatan awam selaras dengan inisiatif S-W-I-F-T yang merangkumi penerapan lima (5) nilai utama iaitu: pantas (*speed*), pengetahuan bertaraf dunia (*world class knowledge*), memberi inspirasi (*inspirational*), fleksibel (*flexible*) dan berdasarkan teknologi (*technology based*).

PS2025 ini adalah sangat penting kerana ia merupakan rangka tindakan (*blue print*) KPPK untuk merealisasikan visi KPPK dan tema utama DAKN2030 iaitu "Memajukan Sektor Agrikomoditi demi Kemampunan dan Kemakmuran Bersama". Secara ringkasnya, PS2025 ini terbahagi kepada lima (5) Teras Pelan Tindakan Komoditi dan lima (5) Strategi Pelan Tindakan Penyampaian Pengurusan yang menjadi panduan dalam pelaksanaan fungsi KPPK dan agensi di bawahnya. Teras dan strategi berkenaan disokong dengan program serta aktiviti yang memperincikan tindakan dan hala tuju KPPK dan agensi dalam mencapai visi yang telah ditetapkan.

Tumpuan pelan strategik bukan sahaja merangkumi pembangunan industri Agrikomoditi yang lebih mampan semata-mata, malah turut memberi penekanan terhadap fungsi dan peranan KPPK dalam rantai Sektor Agrikomoditi selaras dengan dokumen-dokumen utama Kerajaan lain terutamanya Rancangan Malaysia ke-12 (RMKe-12).

Faktor kritikal kepada kejayaan pelaksanaan PS2025 bergantung kepada komitmen berterusan warga KPPK serta kebolehan untuk bekerjasama dan berkolaborasi dengan pihak-pihak berkepentingan yang lain. Selain itu, setiap warga KPPK dan Agensi perlu memainkan peranan masing-masing dalam memastikan usaha dan inisiatif yang telah dirangka di bawah DAKN2030 dalam mentransformasikan industri Agrikomoditi yang lebih maju, berdaya saing dan mampan dapat direalisasikan.

**“Harapan saya  
Pelan Strategik  
KPPK 2021-2025  
dapat melonjakkan  
prestasi KPPK dan  
Agensi di  
bawahnya melalui  
perlaksanaan  
program-program  
yang lebih  
berfokus dalam  
usaha  
meningkatkan lagi  
penyampaian  
perkhidmatan  
Sektor  
Agrikomoditi ke  
tahap yang lebih  
tinggi demi  
manfaat kepada  
rakyat dan  
Negara”**

**YBHG DATUK RAVI MUTHAYAH  
KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN KOMODITI**



# Perjuangan Agrikomoditi

Watanku indah tak terperi  
 Dilimpahi sinar hangat mentari  
 Menerangi seluruh tanah ini  
 Dari gunung-ganang nan tinggi  
 Hingga ke landai jelapang padi

Watanku yang disayangi  
 Dikurnia segala sumber mencukupi  
 Untuk berladang dan bertani  
 Lalu berkembanglah agrikomoditi  
 Di seluruh pelusuk negeri


Dari dahulu sehingga kini  
 Agrikomoditi berjasa tanpa henti  
 Menyumbang kemakmuran ekonomi  
 Memastikan tubuh terus bernadi  
 Menjadikan hidup lebih bererti

Dahulu kita sekadar mengimpi  
 Hari ini tidak lagi  
 Semuanya telah menjadi realiti  
 Perut-perut kosong telah terisi  
 Rumah yang dahulu usang tiada isi  
 Kini cukup serba serbi  
 Nikmat bahagia benar dirasai  
 Kerana makmurnya agrikomoditi

Agrikomoditi terus berevolusi  
 Meningkat maju seiring teknologi  
 Mengkaji dan menginovasi  
 Memasuki arena komersialisasi  
 Melangkah ke arah automasi  
 Menuju revolusi industri

Segala usaha dan strategi  
 Hala tuju serta misi  
 Telah direncana rapi  
 Dalam segala pelan dan polisi  
 Demi memakmurkan lagi agrikomoditi  
 Untuk kelangsungan generasi  
 Yang bakal mewarisi  
 Tanah air yang disayangi

Namun ada yang iri dan dengki  
 Dengan kejayaan dikecapi  
 Mereka mencerca dan mencaci  
 Menuduh kita tidak lestari  
 Walau tiada punya bukti  
 Mereka menggerak agenda diskriminasi  
 Sambil pemikiran dunia diracuni  
 Hingga timbulnya benci  
 Dalam jiwa dan hati  
 Warga dunia yang dihujani  
 Dengan dakyah dan tipu keji



Betapa hancur luluh dirasai  
Para peladang dan petani  
Bila mengenang penat lelah selama ini  
Bukan takat dipandang sepi  
Malah ditohmah segenap segi



Namun tidak sama sekali  
Harus kita berdiam diri  
Ayuh pertahan daulat ibu pertiwi  
Yang tiada galang ganti  
Jangan dibiar mereka menghantui  
Dan memusnah segala aspirasi  
Yang telah tertanam dalam sanubari



Berjuanglah walau dengan cara sendiri  
Asalkan baik budi pekerti  
Tidak hilang dari diri  
Semoga perjuangan kita ini  
Mendapat restu Ilahi  
Lalu dikurnia kemenangan hakiki



Nazar Azly Zaberi  
9 Jun 2022

# ISI KANDUNGAN

## BAB 1

### PENDAHULUAN

- 1.1 Latar Belakang KPPK
- 1.2 Visi, Misi Dan Objektif
- 1.3 Punca Kuasa
- 1.4 Pemegang Taruh, Pelanggan dan Rakan Strategik
- 1.5 Nilai Bersama
- 1.6 Piagam Pelanggan
- 1.7 Struktur Organisasi

14  
16  
17  
19  
20  
21  
23

## BAB 2

### SENARIO PERSEKITARAN MENDEPANI CABARAN ABAD KE-21

- 2.1 Kuasa Ekonomi Global yang cenderung ke Benua Asia
- 2.2 Perubahan Demografik Guna Tenaga dan Amalan Perniagaan yang baik
- 2.3 Revolusi Digital Mentransformasi Sektor Pertanian
- 2.4 Peningkatan Ketidaksamaan Sosio-Ekonomi
- 2.5 Pandemik COVID-19
- 2.6 Kawalan yang semakin ketat ke atas aktiviti Agrikomoditi berikutan keprihatinan terhadap risiko ancaman kepada alam sekitar dan perubahan iklim.

26  
27  
28  
30  
31  
32

## BAB 3

### HALA TUJU STRATEGIK

- 3.1 Dasar Agrikomoditi Negara 2021-2030 (DAKN2030)
- 3.2 Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 (WKB2030)
- 3.3 Matlamat Pembangunan Mampan (SDG)
- 3.4 Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK12)
- 3.5 Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN-4)
- 3.6 Aspirasi Keluarga Malaysia (AKM)

35  
37  
39  
40  
41  
42

## BAB 4

### STRATEGI DAN PELAN TINDAKAN

- 4.1 Kerangka PS2025
- 4.2 Teras PS2025
  - 4.2.1 Teras 1: Kemampuan
  - 4.2.2 Teras 2: Produktiviti
  - 4.2.3 Teras 3: Penjanaan Nilai
  - 4.2.4 Teras 4: Pembangunan Pasaran
  - 4.2.5 Teras 5: Keterangkuman
  - 4.2.6 Teras 6: Penyampaian Berkesan

## BAB 5

### MEKANISME PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN

## BAB 6

### PENUTUP

## LAMPIRAN

- 1. Senarai Nama Menteri KPPK
- 2. Senarai Nama Timbalan Menteri KPPK
- 3. Senarai Nama Ketua Setiausaha KPPK



# **BAB 1**

## **PENDAHULUAN**

# 1.1 LATAR BELAKANG

Pada tahun 1972, Kementerian Perusahaan Utama (KPU) telah diwujudkan untuk memajukan industri komoditi Negara yang berupaya memberi sumbangan kepada pertumbuhan ekonomi Negara. Pada peringkat awal penubuhannya, KPU hanya memberi tumpuan kepada pembangunan dua komoditi utama iaitu bijih timah dan getah. Peranan KPU kemudiannya telah dikembangkan meliputi pembangunan komoditi lain seperti kelapa sawit, koko, perhutanan dan kayu-kayan, mineral, nenas serta tembakau yang didapati turut memberi sumbangan kepada ekonomi Negara.

Pada tahun 2004, KPU telah distrukturkan semula dan dikenali sebagai Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK). Penstrukturkan semula ini melibatkan perubahan bidang tanggungjawab, dengan Jemaah Pemasaran Lada Hitam (JPLH) dipindahkan daripada Kementerian Pertanian kepada KPPK. Manakala tanggungjawab berkaitan perhutanan, mineral dan geosains dipindahkan ke Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Tanggungjawab utama lain Kementerian masih dikekalkan.


Dalam tempoh tersebut, penjenamaan semula nama Kementerian telah dilaksanakan untuk memberi semangat baru serta mengukuhkan lagi fungsi dan peranan Kementerian. Pada tahun 2018, nama Kementerian dijenamakan menjadi Kementerian Industri Utama (MPI) dan kembali semula dikenali sebagai

Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (KPPK) pada tahun 2020.

Enam agensi di bawah Kementerian bergerak seiring dalam perkembangan sektor komoditi iaitu Lembaga Minyak Sawit Malaysia, Lembaga Getah Malaysia, Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia, Lembaga Koko Malaysia, Lembaga Lada Malaysia dan Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara. Lima majlis turut memainkan peranan penting dalam mempromosikan Sektor Agrikomoditi Negara di peringkat tempatan dan juga antarabangsa iaitu Majlis Minyak Sawit Malaysia, Majlis Getah Malaysia, Majlis Kayu-Kayan Malaysia, Majlis Pensijilan Kayu Malaysia dan Majlis Pensijilan Minyak Sawit Malaysia.

# EVOLUSI KEMENTERIAN

1972



1972

KEMENTERIAN PERUSAHAAN  
UTAMA (KPU)

2004



2004

KEMENTERIAN PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN  
KOMODITI (MPIC)

2030



2020

KEMENTERIAN PERUSAHAAN  
PERLADANGAN DAN  
KOMODITI (KPPK)

## 1.2 VISI, MISI DAN OBJEKTIF



### VISI

Memajukan Agrikomoditi demi  
Kemampunan dan Kemakmuran Bersama



### MISI

Meningkatkan daya saing global Malaysia  
menerusi produk-produk agrikomoditi  
yang bernilai tinggi dan lestari



### OBJEKTIF

Membangun dan memperkasa  
agrikomoditi secara mampan dan  
seimbang dalam aspek ekonomi, sosial  
dan alam sekitar serta memastikan  
kemakmuran dikecapi bersama

# 1.3 PUNCA KUASA

## Peruntukan Undang-Undang

1. Perlembagaan Persekutuan
2. Akta Tafsiran 1948 dan 1967 [Akta 388]
3. Kanun Tanah Negara (Disemak-2020) [Akta 828]
4. Akta Kewangan 2021 [Akta 833]
5. Akta Fungsi-Fungsi Menteri 1969 [Akta 2]
  - i. Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 3) 2021 [P.U.(A) 383/2021]
  - ii. Perintah Menteri-Menteri Kerajaan Persekutuan (No. 3) (Pindaan) 2022 [P.U.(A) 5/2022]
6. Arahan Setiausaha Jemaah Menteri Tahun 2021
7. Arahan Perbendaharaan/ Arahan Keselamatan/ Pekeliling Perkhidmatan/ Pekeliling Perbendaharaan
8. Akta Badan-Badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]
9. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993 [P.U.(A) 395/1993]
10. Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 [P.U.(A) 1/2012]
11. Akta Industri Biobahan Api Malaysia 2007 [Akta 666]
12. Akta Penstabilan Harga Getah 1975 [Akta 161]
13. Akta Badan Berkanun Getah 1985 [Akta 321]

## Akta Tubuh Badan-Badan Berkanun dibawah KPPK

1. Akta Lembaga Minyak Sawit Malaysia (Perbadanan) 1998 [Akta 582]
2. Akta Lembaga Getah Malaysia (Perbadanan) 1996 [Akta 551]
3. Akta Lembaga Koko Malaysia (Pemerbadanan) (Pindaan) 2010 [Akta A1103]
4. Akta Lembaga Lada Malaysia (Perbadanan) 2006 [Akta 656]
5. Akta Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (Pemerbadanan) Pindaan 2011 [Akta 105]
6. Akta Lembaga Kenaf dan Tembakau Negara (Perbadanan) 2009 [Akta 692]

# 1.4 PEMEGANG TARUH, RAKAN STRATEGIK DAN PELANGGAN

01

## Pemegang Taruh

- Perdana Menteri
- Jemaah Menteri
- Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi
- Timbalan Menteri Perusahaan Perlادangan dan Komoditi

02


## Rakan Strategik

- Kementerian/Jabatan/Agenسی
- Agenسی Antarabangsa/Media
- Persatuan industri tempatan, badan bukan kerajaan (NGO) dan organisasi antarabangsa

03

## Pelanggan

- Pengusaha-pengusaha industri berasaskan sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, biojisim dan biobahan api.
- Industri sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, biojisim dan biobahan api.
- Estet dan pekebun kecil sawit, getah, kayu-kayan, koko, lada, kenaf, biojisim dan biobahan api.
- Pekebun kecil
- Orang Awam



# 1.5 NILAI BERSAMA

<b>M</b>	<b><i>Market-oriented</i></b> Memberi fokus dan keutamaan kepada kehendak pasaran bagi memastikan produk komoditi yang dihasilkan dan perkhidmatan yang diberikan kekal relevan serta sentiasa memenuhi kehendak pengguna
<b>P</b>	<b><i>Professional</i></b> Melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan semangat berpasukan dan saksama, mengambil kira pembangunan seimbang terhadap kepentingan sosial, keuntungan ekonomi dan kelestarian alam sekitar bagi memastikan kehendak <i>stakeholders</i> dalaman dan luaran dipenuhi
<b>I</b>	<b><i>Integrity</i></b> Memiliki sikap telus, jujur, adil dan mengamalkan budaya kerja berprestasi tinggi dalam meyempurnakan amanah yang diberikan
<b>C</b>	<b><i>Committed</i></b> Menyemai sifat tekun, positif, inovatif, kreatif dan ikhlas dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan di samping sentiasa memajukan diri dari segi pengetahuan dan kemahiran serta berusaha ke arah peningkatan kualiti dan produktiviti

<b>K</b>	<b><i>Komitded</i></b> Menunjukkan komitmen yang jitu dalam menjalankan segala tugas yang diamanahkan serta menampilkan kematangan sahsiah dalam menyampaikan mutu perkhidmatan yang efektif dan inklusif.
<b>P</b>	<b><i>Proaktif</i></b> Proaktif dan responsif terhadap perubahan landskap masa hadapan serta berupaya merangka gerak kerja yang mampu dilaksanakan bagi memenuhi aspirasi dan ekspektasi Kementerian.
<b>P</b>	<b><i>Prihatin</i></b> Prihatin dan cakna dalam menangani isu-isu lokal dan global mengenai hal ehwal pengurusan dan komoditi. Ia bergerak seiring dengan agensi-agensi berkaitan bagi mencapai objektif yang digariskan oleh Kementerian.
<b>K</b>	<b><i>Kompeten</i></b> Kompeten bagi melaksanakan setiap aspek tugas dan menitikberatkan kualiti kerja dengan menggembung tenaga, mengetengahkan idea serta mencurah segala kepakaran dalam organisasi.

# 1.6 PIAGAM PELANGGAN

## 1. PENGGUBALAN DASAR

Menggubal dasar dan strategi yang jelas mengenai industri Agrikomoditi berlandaskan kepada perkembangan dan keperluan semasa dalam tempoh masa seperti berikut:

- 12 bulan bagi Penggubalan Dasar dan Strategi Baru; dan
- Enam (6) bulan bagi Meminda Dasar dan Strategi Sedia Ada.

## 2. PENERBITAN DATA TAHUNAN KOMODITI

Memuatnaik Data Perangkaan Komoditi dalam Laman Web KPPK dan Portal Data Terbuka yang diselenggara oleh MAMPU.

## 3. SESI KONSULTASI

Mengadakan Sesi Konsultasi dengan Kerajaan-Kerajaan Negeri, Pihak Industri dan Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO):

- Peringkat Menteri: Satu (1) Dialog Sesi Konsultasi Setahun bagi setiap komoditi dengan Persatuan Industri Komoditi dan NGO;
- Peringkat Pegawai: Enam (6) Sesi Konsultasi Bersama Industri.

## 4. MISI PERDAGANGAN

Menganjurkan Misi Galakan Pasaran dan Perdagangan/Lawatan Kerja bagi Memperkuuhkan Pasaran Sedia Ada dan Menerokai Pasaran Baru sekurang-kurangnya lima (5) kali setahun serta mengambil tindakan susulan yang sewajarnya.

## 5. PROJEK PEMBANGUNAN

Memastikan program pembangunan sektor perladangan dan komoditi dirancang, dilaksana dan dipantau sewajarnya termasuk mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian (JTPK) diadakan 12 kali setahun.

## 6. PEMBAYARAN BIL

Memastikan 90 peratus pembayaran bil yang lengkap diselesaikan dalam tempoh 7 hari dan sekiranya terdapat mana-mana pihak yang tidak menerima pembayaran dalam tempoh 14 hari, aduan yang diterima akan diselesaikan dalam tempoh 72 jam.

## 7. ADUAN PELANGGAN

Memastikan semua aduan pelanggan diberi:

- Akuan penerimaan dalam masa satu (1) hari;
- Maklum balas awal dalam masa lima (5) hari; dan
- Diselesaikan dalam tempoh 15 hari bagi aduan yang tidak melibatkan perkara dasar.

## 8. KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN (DALAMAN DAN LUARAN)

2 kali setahun

## 9. HARI BERTEMU PELANGGAN (BERSEMUKA ATAU DALAM TALIAN)

2 kali setahun


## 10. LAMAN WEB

Memuat naik maklumat program terkini KPPK ke laman web dalam tempoh 24 jam.

## 11. LESEN BIOBAHAN API

- Mengeluarkan Akuan Penerimaan bagi permohonan yang lengkap dalam tempoh satu (1) hari bekerja;
- Mengeluarkan Notis Makluman Pembaharuan dalam tempoh seawal tiga (3) bulan dan tidak lewat satu (1) bulan sebelum tamat lesen; dan
- Mengeluarkan Notis Kelulusan selepas ditandatangani oleh Pihak Berkuasa Pelesenan Biobahan Api dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

# 1.7 STRUKTUR ORGANISASI






# **BAB 2**

## **SENARIO PERSEKITARAN MENDEPANI CABARAN ABAD KE-21**

# SENARIO PERSEKITARAN

Pelan Strategik KPPK 2021-2025 juga mengambil kira kemajuan Sektor Agrikomoditi Negara dalam tempoh 10 tahun akan datang. Dalam tempoh 10 tahun ke hadapan sosio ekonomi global akan terus berkembang seiring dengan perkembangan semasa yang akan memberi impak terhadap Sektor Agrikomoditi di Malaysia.

Antara faktor yang akan mempengaruhi pertumbuhan Sektor Agrikomoditi adalah seperti berikut:



Kuasa Ekonomi Global yang cenderung ke Benua Asia




Perubahan Demografik  
Guna Tenaga dan Amalan Perniagaan yang baik



Revolusi Digital  
Mentransformasi Sektor Pertanian



Peningkatan ketidaksamaan Sosio-Ekonomi



Pandemik COVID-19



Kawalan yang semakin ketat ke atas aktiviti Agrikomoditi berikutan keprihatinan terhadap risiko ancaman kepada alam sekitar dan perubahan iklim

## 2.1 Kuasa ekonomi global yang cenderung ke Benua Asia

Pada pertengahan tahun 2019, populasi dunia adalah sebanyak 7.7 bilion dan dijangka meningkat kepada 8.5 - 8.6 bilion menjelang tahun 2030. Lebih daripada separuh populasi iaitu sekitar 4.6 bilion dijangka berada di benua Asia iaitu 2.2 bilion di Asia Tengah dan Selatan dan 2.4 bilion di Asia Timur dan Tenggara. Menjelang tahun 2040, negara-negara ini dijangka menyumbang lebih daripada separuh KDNK global dengan anggaran 40% penggunaan (*consumption*) global.

Pandemik COVID-19 telah menyebabkan kemerosotan ekonomi pada tahun 2020. Bank Dunia menjangkakan kemelesetan ekonomi global terburuk sejak Perang Dunia Kedua, dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) global menyusut sebanyak 5.2% pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, pertumbuhan ekonomi pulih pada tahun 2021 berdasarkan *baseline scenario*. Walaupun dalam senario terburuk (*worst case scenario*) KDNK global menurun sehingga 8% pada tahun 2020, namun pemulihan ekonomi tetap berlaku pada tahun 2021 dengan pertumbuhan secara perlahan pada kadar 1.3 peratus.

Negara China dan India dijangka terus menjadi pemacu utama pertumbuhan mewakili sebahagian besar KDNK global menjelang akhir dekad ini. Perubahan tersebut akan menyebabkan pasaran eksport Agrikomoditi Malaysia beralih daripada pasaran "tradisional" seperti Kesatuan Eropah (EU) dan Amerika Syarikat (AS) kepada pasaran Asia seperti

India dan China. Kini, China merupakan destinasi eksport Agrikomoditi ketiga terbesar bagi Malaysia selepas EU manakala eksport ke India pula semakin meningkat.

Pada masa yang sama, persaingan daripada negara-negara serantau yang membangun seperti Vietnam dan Indonesia akan meningkat kerana negara-negara ini mempunyai populasi yang lebih besar dan sumber tenaga kerja berpendidikan serta berkemahiran.



## 2.2 Perubahan demografi guna tenaga dan amalan perniagaan yang baik

Jangka hayat penduduk dunia dijangka semakin meningkat dalam tempoh tiga dekad yang akan datang, ditambah pula dengan penurunan kadar kesuburan akan memberi kesan kepada pertumbuhan ekonomi. Menjelang tahun 2030, hampir satu bilion atau 12% daripada jumlah keseluruhan penduduk dunia akan berumur 65 tahun dan ke atas. Malaysia juga tidak terkecuali daripada perkembangan ini dan menjelang tahun 2030 dianggarkan 15% daripada penduduknya dijangka akan berusia 60 tahun dan ke atas.

Tambahan pula, pekerja dan pengguna generasi akan datang dengan corak pemikiran yang berbeza dan ekspektasi yang lebih tinggi dijangka mengubah amalan perniagaan semasa. Generasi Z (Gen Z) yang ditakrifkan sebagai golongan yang dilahirkan antara tahun 1996 dan 2012 akan membentuk 25% daripada keseluruhan populasi di Asia menjelang tahun 2030. Gen Z menjadikan kemampanan dan etika pengeluaran produk sebagai kriteria utama dalam pemilihan barang, selain menitikberatkan tujuan dan nilai yang diperolehi dalam setiap perkara yang mereka lakukan.

Permintaan pengguna Gen Z yang semakin berpengaruh akan meningkatkan permintaan amalan perniagaan yang mampan dan beretika. Faktor penduduk yang semakin berusia dan ekspektasi tinggi Gen Z dalam

pekerjaan dijangka menyebabkan kekurangan sumber tenaga kerja di Malaysia. Situasi ini menyebabkan pengambilan tenaga kerja bagi sektor perladangan menjadi lebih mencabar. Justeru, peningkatan dalam penggunaan automasi dan teknologi menjadi lebih penting dalam membuka lebih banyak peluang pekerjaan kepada kaum wanita.



## 2.3 Revolusi digital mentransformasi sektor pertanian


Pertumbuhan dan penerimagaan teknologi akan mewujudkan peningkatan jurang digital antara pengguna awal (*early adopters*) dengan pengguna akhir (*late bloomers*) kepada negara mahupun industri. Ketika ini, China dan AS merupakan negara yang memainkan peranan utama dalam kebanyakan aktiviti penyelidikan dan pelaburan berkaitan teknologi *Artificial Intelligence* (AI). Sementara itu, negara-negara yang mempunyai rangkaian global seperti Singapura, Korea Selatan dan Sweden berada pada tahap yang tinggi dalam pengkomersialan teknologi AI. Sungguhpun aspek penggunaan AI di Malaysia pada tahap yang agak rendah, namun masih mampu berdaya saing dalam beberapa sektor seperti sektor pertanian.

Antara teknologi yang dicipta dalam sektor pertanian adalah robot pemotongan dan penuaian, dron penyembur berketepatan tinggi dan fasiliti pertanian menegak (*vertical-farming*) yang berkecekapan tinggi untuk mengurangkan penggunaan air dan meminimumkan kehilangan nutrien. Walau bagaimanapun, teknologi ini tidak dapat memberi manfaat sepenuhnya kepada pekebun kecil perseorangan kerana memerlukan modal yang tinggi dan saiz ekonomi yang optimum. Oleh yang demikian, langkah terbaik dalam

revolusi digital ini adalah dengan melibatkan pihak syarikat bagi membantu menyelesaikan isu-isu tertentu termasuk melatih para usahawan untuk menyediakan perkhidmatan setempat seperti penyelenggaraan dan baik pulih, menganalisis data serta menyediakan khidmat nasihat yang berkaitan.

# REVOLUSI PERINDUSTRIAN

KE ARAH TRANSFORMASI INDUSTRI DAN INNOVASI



Malaysia berada dalam kedudukan kukuh berdasarkan pada usaha gigih Kerajaan dalam penerimangunaan dan penggunaan teknologi digital serta pembangunan usahawan yang mahir dari aspek teknologi digital. Pelaburan dalam teknologi digital di Sektor Agrikomoditi bukan sahaja dapat meningkatkan hasil pengeluaran, malah dapat menarik semula generasi muda untuk menceburi sektor ini.

## 2.4 Peningkatan ketidaksamaan sosio ekonomi

Seiring dengan pertumbuhan yang semakin meningkat di seluruh sektor ekonomi, ketidaksamaan sosio ekonomi turut meningkat dan menjelaskan lebih daripada 71% populasi dunia. Akibatnya, ketegangan sosial dan politik semakin bertambah dan menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan masyarakat lalu menjadi punca kepada insiden protes di seluruh dunia sejak kebelakangan ini.

Selain daripada kestabilan sosial dan politik, ekonomi yang lebih terangkum juga dapat membantu mengukuhkan ekonomi negara dan pembangunan yang lebih seimbang. Situasi pandemik COVID-19, peningkatan konflik bersenjata dan kesan perubahan iklim telah mengganggu gugat usaha pengurangan kemiskinan dunia. Menurut kajian oleh Bank Dunia, sebanyak 74 daripada 91 buah negara termasuk di Asia Timur dan Pasifik dan di Asia Selatan mempunyai pertumbuhan ekonomi yang terangkum.

Walau bagaimanapun, laporan yang sama menganggarkan sekitar 100 juta orang akan tergolong dalam kelompok kemiskinan pada tahun 2020 kesan daripada COVID-19.

Pekebun kecil Sektor Agrikomoditi di Malaysia merupakan antara kelompok yang paling berisiko kerana pendapatan mereka mudah terjejas dengan kadar kenaikan kos bahan input (seperti baja dan tenaga kerja) selain daripada harga komoditi yang tidak menentu dengan wang simpanan yang terhad.

Di samping itu, golongan ini lebih berisiko disebabkan oleh kekurangan jaringan keselamatan sosial kerana kebanyakan pekebun kecil bekerja sendiri dan penyertaan mereka adalah terhad dalam sistem sokongan formal seperti Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO).




## 2.5 Pandemik COVID-19

Pandemik COVID-19 yang melanda dunia adalah sesuatu yang di luar jangkaan dan telah memberi kesan negatif yang signifikan kepada ekonomi global secara am dan khususnya kepada ekonomi Malaysia. Beberapa Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang dilaksanakan bermula Mac 2019 bagi mengekang penularan wabak COVID-19 telah menjelaskan aktiviti pengeluaran, logistik, pekerjaan dan pergerakan hampir keseluruhan sektor ekonomi Negara termasuklah Agrikomoditi. Pengeluaran beberapa produk agrikomoditi seperti minyak sawit mentah, minyak isirong sawit mentah, produk getah dan biodiesel terjejas semasa peringkat awal pelaksanaan PKP disebabkan oleh kekurangan pekerja, kekangan untuk mendapatkan sumber bahan mentah dan komponen pengeluaran serta kekurangan sokongan logistik.

Penurunan permintaan terhadap produk-produk agrikomoditi yang tidak bersifat *essential* seperti perabot disebabkan oleh kehilangan punca pendapatan dalam kalangan masyarakat tempatan dan antarabangsa yang terpaksa mengurangkan pembelian barang tidak

perlu. Perkara ini telah menjelaskan pendapatan syarikat yang berkaitan. Namun dalam beberapa aspek, pandemik COVID-19 juga telah menyebabkan peningkatan yang memberangsangkan bagi produk sarung tangan getah dan bekalan perubatan berdasarkan lateks, sekali gus mendorong prestasi yang lebih baik pada peringkat hiliran.

Ekonomi global dijangka akan berhadapan dengan situasi serupa bagi beberapa tahun yang akan datang, sama ada krisis kesihatan, kewangan ataupun perubahan iklim. Pengurusan risiko dan pelan kontigensi adalah penting sebagai persediaan kepada industri jika berlaku situasi yang sama pada masa hadapan.



## 2.6 Kawalan yang semakin ketat ke atas aktiviti Agrikomoditi berikutan keprihatinan terhadap risiko ancaman kepada alam sekitar dan perubahan iklim

Negara-negara Asia khususnya China dan India akan terus berkembang dari segi ekonomi. Justeru itu, sebahagian daripada rantau ini dijangka akan mengalami kenaikan purata suhu, gelombang panas yang lebih kerap dan perubahan bekalan air menjelang tahun 2050. Walaupun keluasan Asia Tenggara (*Southeast Asia - SEA*) hanya merangkumi 3% daripada jumlah tanah global, namun ia tetap penting bagi kelestarian alam sekitar kerana 20% biodiversiti dan 10% populasi dunia berada di SEA.

SEA dijangka mengalami peningkatan sebanyak 60% pelepasan karbon menjelang tahun 2040 dengan kadar penebangan hutan tahunan tertinggi di kawasan tropika iaitu sebanyak 1.2 peratus. Walaupun China, AS dan EU telah bersetuju untuk membelanjakan sebanyak USD5.2 trilion pada tahun 2020 untuk merangsang industri hijau, namun tiada tindakan pantas yang dilakukan oleh SEA walaupun rantau ini mempunyai tanggungjawab yang besar terhadap biodiversiti dunia.

Oleh itu, industri tinggi karbon seperti tenaga, pengangkutan dan pertanian (termasuk Agrikomoditi) perlu beralih kepada amalan rendah karbon serta

mengehadkan impak negatif kepada kehidupan golongan yang mudah terjejas.

